

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Maha suci Allah SWT, Dialah yang mencipta langit, Dialah mencipta bumi dan semua yang wujud dalam alam semesta ini. Dialah juga yang mencipta segala isi kandungan bumi ini. Isi kandungan bumi yang terdiri daripada bukit-bukau gunung-ganang, sungai, tasik dan lain-lain. Dialah juga yang mencipta segala yang hidup bernyawa. Dia jugalah yang mencipta segala jenis binatang sama ada yang merangkak, melompat, merayap, terbang dan lain-lainnya. Bagi yang bernyawa Allah turut menyediakan kepada mereka segala keperluannya. Dengan demikian kelangsungan hidup akan terjamin selagi ia tidak dimusnahkan oleh tangan-tangan jahat yang merancang ke arah kemusnahan alam ini.

Manusia juga turut dibekalkan dengan segala keperluannya ke arah kelangsungan hidup. Antara bekalan yang dibekalkan untuk memenuhi keperluan manusia ialah tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, binatang dan lain-lain lagi.

Tumbuh-tumbuhan dan lain-lain seumpamanya tidak menimbulkan banyak cabaran dan gangguan kepada manusia. Manakala untuk mendapatkan bekalan makanan daripada binatang yang bernyawa, manusia terpaksa berhadapan dengan

banyak cabaran dan rintangan. Di samping itu sesetengah haiwan menjadi ancaman besar kepada kehidupan manusia. Justeru, keadaan yang sedemikian ini banyak memahat ingatan dalam memori manusia.

Sehubungan dengan itu manusia yang merupakan makhluk ciptaan Allah yang paling istimewa ini telah menjadikan segala apa yang mereka alami yang terdiri daripada berbagai-bagai pengalaman, pahit manis, susah senang dan berbagai-bagai keadaan lagi itu sebagai pengajaran, pedoman, panduan dan teladan di dalam hidup mereka.

Sepertimana yang diketahui, fenomena seumpama ini dialami oleh setiap bangsa yang hidup di atas bumi Allah ini. Tidak kira di mana saja mereka berada, di padang pasir dengan situasi padang pasirnya, di hutan belantara dengan hutan belantaranya, di kutub dengan situasi kutubnya.

Berdasarkan kepada realiti yang disebutkan itu, orang-orang Arab pada zaman Jahiliyah tidak terkecuali daripada menghadapi fenomena tersebut. Perburuan dalam kalangan mereka dilakukan secara berterusan dari generasi ke generasi.

Tujuan utama pemburuan bagi golongan menengah ialah semata-mata untuk memenuhi keperluan hidup. Mereka menjadikan daging binatang buruan sebagai makanan yang dapat memberikan tenaga untuk terus hidup, mereka menjadikan

kulit binatang buruan sebagai peneduh diri dan keluarga daripada pancaran cahaya matahari, mereka menjadikan bulu binatang sebagai pakaian yang dapat melindungi mereka sekeluarga daripada kesejukan, mereka menjadikan lemak binatang sebagai bahan bakar untuk menyalakan pelita yang akan menerangi mereka sekeluarga daripada kegelapan malam. Tidak kurang pula bagi golongan tertentu mereka menjadikan perburuan sebagai aktiviti riadah dan rekreasi yang akan meningkatkan kedudukan serta imej dan jati diri mereka.

Langkah pertama yang perlu diambil oleh mereka yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti ini, ialah cuba memahami perilaku binatang-binatang yang berkaitan dengan aktiviti ini termasuklah burung-burung. Perkara seumpama ini perlu dilakukan dengan teliti. Dengan pemahaman tersebut penguasaan terhadap binatang buruan akan lebih terjamin. Ini adalah kerana kefahaman itu akan mendorong seseorang pemburu itu merancang dengan tepat segala strategi dan segala peralatan dan teknik yang diperlukan.

Aktiviti perburuan merupakan salah satu aktiviti di dalam kebudayaan orang Arab Jahiliyah. Aktiviti ini telah menjadi adat dan kebiasaan di dalam kalangan mereka semenjak turun temurun.

1.1 Kebudayaan Bangsa Arab

Memiliki kebudayaan yang tersendiri adalah sesuatu yang lumrah bagi setiap bangsa, tanpa mengira kedudukan bangsa itu sama ada tinggi atau sebaliknya.

Dengan demikian adalah menjadi suatu yang pasti kepada bangsa Arab seperti juga bangsa-bangsa lain, memiliki kebudayaannya yang tersendiri. Kebudayaan tersebut berbeza dan berlainan -dalam banyak perkara- daripada kebudayaan bangsa-bangsa lain. Kebudayaan ini adalah hasil cernaan yang bersumberkan kepada warisan silam, kepercayaan, pegangan dan lain-lain seumpamanya.

Bangsa Arab suka akan sesuatu yang umum, mudah dan ringkas. Dengan demikian mereka mempermudah sesuatu. Hal ini adalah kerana mereka merupakan bangsa yang sederhana secara keseluruhannya.¹ Namun tidaklah dinafikan dalam masa, keadaan dan tempat yang tertentu bangsa ini digambarkan sebagai suatu bangsa yang konflik dan bermasalah. Ia mempengaruhi segala aspek kehidupan mereka dari sebesar-besar urusan kehidupan seperti mempertahankan kelangsungan hidup sehinggalah kepada penghayatan penghasilan karya-karya seni. Keadaan ini berterusan sehinggalah Nabi Muhammad SAW diutuskan. Bermula dengan kedatangan Islam, banyak perkara yang berkaitan dengan kehidupan telah disesuaikan mengikut kehendak al-Qur'an.

¹ al-Qaysiyy, hlm.158.

Kebudayaan Arab juga terbina daripada prinsip-prinsip nilai yang mendominasi masyarakat Arab, iaitu nilai yang mempunyai hubungan yang kuat dengan kepercayaan, pemikiran, tatasusila dan corak kehidupan. Inilah yang menjadi tunjang kepada warisan dan jiwa masyarakat. Seterusnya ia juga menjadi fokus sejarah dalam aspeknya yang pelbagai.

1.1.1 Pendapat Tentang Kebudayaan (الثقافة) Dan Maknanya

Dalam menterjemahkan perkataan الثقافة ke dalam bahasa Melayu, umum telah menterjemahkan secara langsung perkataan ini kepada kebudayaan. Penggunaan kebudayaan dalam skop makna yang sempit telah mewujudkan jurang makna yang agak besar antara الثقافة dengan kebudayaan. Dalam banyak hal perkataan kebudayaan hanya merujuk kepada adat-adat serta permainan tradisional dan beberapa perkara lain yang seumpamanya.

Walau bagaimanapun dari segi padanan makna antara الثقافة dengan kebudayaan terdapat sedikit perbezaan antara kedua-duanya. Ini adalah kerana الثقافة mempunyai rangkaian makna yang lebih luas apabila dibandingkan dengan perkataan kebudayaan yang digunakan dalam skop yang luas sepertimana yang digunakan dalam bahasa Melayu.

Oleh yang demikian penulis membawa pengertian bagi kedua-dua perkataan ini secara berasingan dengan tujuan untuk menampakkan dengan lebih jelas tentang pelbagai perbezaan antara kedua-duanya.

Budaya mengikut persepsi orang-orang Melayu/Malaysia mengikut Kamus Dewan :¹ budaya memberi makna tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, akal budi, berkelakuan, bersifat budaya, yang mengenai kebudayaan dan yang sudah maju.

Manakala kebudayaan pula ialah : Keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan kemajuan (akal budi).²

Manakala makna الثقافة (al-thaqā:fāt) pula ialah membangun serta memajukan kemahiran-kemahiran serta bakat yang wujud dengan beberapa latihan yang khusus³. Ada pula yang berpendapat: bermula pada akhir kurun ke-18 الثقافة bermaksud keadaan seseorang individu yang berpelajaran yang mampu

¹ Noresah Baharum et al, *Kamus Dewan*, hlm. 180.

² Ibid, hlm. 180.

³ al-Saffa:r, hlm.36.

menggunakan pengetahuannya untuk mendidik dan melahirkan bakatnya seterusnya dapat mempertingkatkan tahap dan taraf kehidupannya¹.

Lantaran itu الثقافة mempunyai skop yang menjangkau batas pengetahuan, ini adalah kerana الثقافة memerlukan kepakaran dari sudut pemikiran di samping budi pekerti yang luhur yang kesannya terpancar dalam individu walaupun dia melupai sebahagian daripada pengetahuannya. Ada pula berpendapat, الثقافة seperti yang kita maklumi bermaksud hasilan kerja masyarakat yang besar, dalam tempoh yang panjang². Justeru adalah sesuatu yang tidak adil untuk kita merumuskan dalam satu perenggan atau satu kenyataan yang ringkas dan pendek.

Bila menyebut perkataan kebudayaan dan merujuk kepada skop maknanya luas didapati perbezaan antara الثقافة dengan kebudayaan tidaklah begitu ketara. Dengan demikian perkataan الثقافة boleh diterjemahkan secara langsung kepada kebudayaan.

Berbalik kepada kebudayaan Arab ada pula pendapat yang menyatakan الثقافة (kebudayaan) semenjak kemunculan dan kebangkitannya, ia sentiasa bersifat

¹Isma' :il, hlm.49.

²al-Husayn, hlm.67.

terbuka kepada dunia luar¹. Keterbukakaan di sini adalah bermaksud kesediaan dalam menerima dan memberi.

Ada pendapat pula yang mengatakan bahawa : "berkembangnya الثقافة dalam sesuatu bangsa dan negara sebenarnya bergantung kepada fenomena hasilan atau produk pemikiran yang terasing dan terpisah serta bebas daripada belenggu kepercayaan ghaib yang salah, khurafat, dan tanggapan–tanggapan salah sepertimana yang berlaku di sepanjang zaman kejatuhan bangsa Arab. Ini adalah sepertimana yang didefinisikan oleh Henry Lost yang menyatakan bahawa : ‘Pemikiran, adat resam dan tradisi yang membentuk prinsip tatasusila bagi sesebuah bangsa, yang diyakini kebenarannya yang lahir daripadanya pemikiran yang khusus bagi sesuatu bangsa itu, dialah yang membezakan sesuatu الثقافة itu dengan yang lainnya’.²

Semua الثقافة atau kebudayaan terbentuk dan berkembang dengan dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman, di samping menerima kesan daripada pengaruh-pengaruh asing.

Arnest Baker menyifatkan الثقافة sebagai: Senjata simpanan masyarakat yang mengandungi idea-idea dan perasaan bagi sesuatu kaum yang diwarisi daripada

¹al-Husayn ,1993, hlm.67.

² Jala:l Mazhar, hlm.45.

satu generasi kepada generasi yang lain melalui perjalanan masa. Secara umumnya kepercayaan pendukungnya merupakan salah satu daripada kelompok idea, perasaan dan kepercayaan yang berbentuk agama, dan bahasa yang menjadi asas penting bagi budaya¹.

Menurut Tailor, "الثقافة" adalah satu medium yang terkandung dalamnya segala pengetahuan, kepercayaan, tatasusila, undang-undang, adat, serta kesenian".²

Sebagai kesimpulannya, "الثقافة" atau kebudayaan merupakan nadi dan teras jati diri bagi sesuatu bangsa dan umat.

Justeru ia merupakan paksi utama dalam membina dan membangunkan umat manusia. Setiap umat mempunyai elemen-elemen dan ciri-ciri tersendiri yang membentuk jati diri umat tersebut. Lantaran itu setiap masyarakat mempunyai kebudayaannya yang tersendiri dan pada waktu yang sama mempunyai ciri-ciri dan keistimewaannya yang tersendiri.

Apabila bangsa Arab mula menguasai bidang pemikiran, ilmu, dan sains pada kurun ketujuh Masihi, mereka berjaya mengekalkan reputasinya sehingga ke kurun yang kelima belas Masihi. Dengan demikian dunia telah menyaksikan

¹ Ma:lik bin Nabiyy, hlm.58

²Samak, hlm.73.

kebudayaan Islam Arab yang unggul itu sehinggalah saat kemerosotan dan kejatuhan dimana ia tidak lagi memberi sumbangan dalam bidang kreativiti, pemikiran, ilmu, dan kemanusiaan. Lantaran itu dunia Arab mula didominasi oleh zaman kejumudan taklid (pak turut), mereka lemah dalam menghadapi gelombang kebudayaan Barat yang mula menguasai peradaban, kesenian, dan corak kehidupan mereka.

الثقافة sebenarnya adalah satu perkataan yang unik dalam bahasa Arab, ia bermaksud: pembersihan jiwa, pemikiran dan kepintaran. Kamus *al-Muhit* pula mendefinisikan الثقافة dengan: telah menjadi pintar dan pandai. Contoh penggunaannya seperti تنقيف الرمح (tathqi:f al-rumh) bermaksud mengasah, menyamakan mata lembing atau menguatkannya.¹

1.1.2 Asal Perkataan الثَّقَافَةُ dan Pengertiannya

Perkataan الثقافة berasal atau diambil daripada kata akar ثَقَّفَ. Daripada kata akar ini muncul beberapa perkataan lain melalui proses derivasi, dan ia memberikan makna yang berbeza, antaranya ialah : ثقف yang memberi makna cerdas, ثقف yang memberi makna memenangi dan menguasai, ثقف yang memberi makna menikam dan mengalahkan, ثقف yang memberi makna kepantasan dalam memahami

¹ al-Ra:ziyy, *Mukhta:r Al-Siha:h*, hlm.85.Lihat juga:Qa:mu:s Muhi:t, perkara ثقف

sesuatu, ثقف yang memberi makna meluruskan dan di samping itu terdapat beberapa makna lain lagi bagi perkataan ini.¹

Walau bagaimanapun kesemua makna yang diterima pakai itu berkisar sekitar kepintaran dan penguasaan terhadap sesuatu.

Manakala istilah الثقافة yang digunakan pada zaman moden ini merujuk kepada ketinggian pemikiran, tingkah-laku, sosial kepada seseorang individu dan sesebuah masyarakat. الثقافة bukanlah merupakan gabungan antara beberapa pemikiran sahaja tetapi ia merupakan satu teori tentang tingkah laku dan gerak kerja yang membentuk corak kehidupan secara umumnya.²

Jadi perkataan الثقافة mengikut pengertian yang luasnya ialah satu istilah yang terkumpul di dalamnya sekurang-kurangnya tiga komponen utama iaitu : ilmu, budaya dan adat. Dan ketiga-tiga komponen ini hendaklah bersifat positif, yang boleh memberi sumbangan ke arah الحضارة الانسانية (ketamadunan manusia). Ini kerana ilmu yang negatif seperti ilmu sihir tidak memberi sebarang sumbangan ke arah itu. Begitu juga budaya mementingkan diri dan adat kurang berusaha, kesemuanya tidak memberikan sebarang sumbangan terhadap الحضارة الانسانية bahkan ianya menjadi penghalang utama ke arah itu.

¹al-Ra:ziyy, *Mukhta:r al-Siha:h*, hlm.84. Lihat juga 'Qa:mus al-Tulla:b' dan beberapa kamus Arab lain. Dan lihat juga Ibn Manzu:r, *Lisa:n al-`Arab*, perkara ثقف

² Ibid. hlm.84.

Secara yang lebih khusus ia juga dapat dilihat sebagai salah satu daripada sifat dan faktor umum yang membentuk sesuatu bangsa. Ia menjadi satu bentuk yang tersendiri dalam pembentukan sesuatu bangsa. Pembentukannya adalah terdiri daripada kepercayaan, nilai, bahasa, prinsip-prinsip, tingkah laku, undang-undang, dan juga pengalaman. Secara umumnya الثقافة adalah medium yang mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, akhlak, peraturan dan adat resam. Dengan demikian bolehlah dirumuskan ciri-cirinya seperti berikut:

1) Ia adalah satu fenomena kemanusiaan, ia adalah sempadan yang membezakan di antara manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Ini kerana ia merupakan gambaran tentang manusia dan kemanusiaan, dan ia juga merupakan medium yang terbaik untuk berinteraksi dengan orang lain.

2) Ia memberikan makna tentang hakikat manusia serta hubungannya dengan mereka yang seumpamanya, serta hubungannya dengan alam semesta dan metafizika, menerusi tindak balas dan hubungan mereka dalam perbagai konteks kehidupan.

3) Ia menjadi tonggak kepada kehidupan bermasyarakat secara praktikal dan tonggak kepada sesuatu tindakan. Ia bukanlah semata-mata satu hasilan kerja sosial atau kesenian serta idea yang tidak melibatkan kemanusiaan tetapi ia

adalah pengalaman yang dilalui manusia yang melibatkan tindak balas dan interaksi mereka dengan persekitaran, alam, manusia, dan masyarakat.

4) Ia adalah hasil seni yang sentiasa diperbaharui. Memperbaharui benda yang sedia ada agar lebih baru. Di samping itu juga dapat dilihat menerusi sifat semula jadi mereka tentang bagaimana tindakan mereka terhadap sesuatu yang realiti dan dan sesuatu yang dijangkakan akan datang.

Kebudayaan mempunyai pelbagai makna berdasarkan kepada masa dan waktu, bangsa, lapisan masyarakat, tahap keilmuan masyarakat, tahap pemikiran, dan bentuk pengurusan yang membezakan satu-satu bangsa dengan yang lain.

Kefahaman inilah yang mendorong para pengkaji untuk menyelidik aspek kandungan serta hubungannya dengan masa dan waktu, kumpulan manusia, cara ia tersebar dan tindak balasnya dengan aspek-aspek yang lain.

Kebudayaan adalah tamadun atau juga satu peringkat tertentu dalam peringkat-peringkat ketamadunan dan peradaban, ia menjadi acuan kepada kehidupan dan jati diri bangsa sepertimana yang tercermin dalam adat dan budaya mereka. Justeru الثقافة (kebudayaan) bermaksud tamadun bangsa yang terbina daripada ketinggian emosi, akal fikiran, kemampuan mengurus, perubahan daripada kehidupan yang buas dan ganas kepada kehidupan yang bersopan, berlemah

lembut, atau dalam kata lain yang lebih tepat ia adalah satu revolusi ke atas sifat negatif, ganas yang wujud dalam diri manusia. Kita telah mendefinisikan manusia sebagai haiwan yang berkata-kata (الحيوان الناطق) seperti teori yang dikemukakan oleh ulamak mantik. Ini adalah kerana menjaga bahasa dan hasilan buah fikiran dan perasaan menjadi asas kepada pembinaan kemuliaan dan kebanggaan bagi satu-satu bangsa.


Apabila satu-satu bangsa terpisah daripada peradaban dan ilmu-ilmu yang diwarisi maka akan terpisahlah pula dengan tradisi dan adat resam silam, lantaran itu terhakislah pula jati diri bangsa tersebut. Hal ini semua akan membawa kepada penghambaan pemikiran yang kesannya adalah lebih berbahaya daripada penghambaan politik. Penjajahan fizikal adalah penyakit yang berkemungkinan ada ubatnya. Akan tetapi penjajahan roh, jiwa dan pemikiran adalah kematian yang tidak mampu dihidupkan kembali oleh sesiapa pun.

Seterusnya penulis membincangkan tentang asal usul perkataan الثقافة .

Kata nama "الثقافة" adalah berasal daripada kata kerja ثقف (thaqufa) yang memberi makna cerdik dan beberapa makna lain sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini. Manakala beberapa perkataan yang terdapat dalam al-Quran al-Karim yang diderivasikan daripada lafaz ini adalah berasal daripada kata kerja ثقف (thaqifa) yang memberi makna jumpa, dapati, tangkap dan lain-lain. Untuk

menjelaskan perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya penulis memaparkan beberapa ayat yang berkaitan sepertimana yang terdapat di dalam al-Qur'an.

Ayat pertama seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarat:



Maksudnya: Dan bunuhlah mereka mana saja **kamu jumpai mereka**, dan usirlah mereka dari tempat mana mereka telah mengusir kamu (Mekah); dan fitnah (menimbulkan kekacauan, seperti mengusir sahabat dari kampung halamannya, merampas harta mereka dan menyakiti atau mengganggu kebebasan mereka beragama) itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan.

Perkataan **تقتمواهم** dalam ayat di atas memberi makna kamu jumpai mereka. Jadi kata akar **تقف** (thaqifa) memberi makna telah menemui.

Dalam ayat berikut ini perkataan **تقف** (thaqifa) yang digunakan di dalamnya turut membawa makna yang sama.

¹ al-Baqarat, 2:191.

←⊛⊞⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
 ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
 ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
¹ ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿

Maksudnya: Maka tawanlah mereka dan bunuhlah mereka di mana saja **kamu menemui mereka** dan merekalah orang-orang yang kami berikan kepadamu alasan yang nyata (untuk menawan dan membunuh) mereka.

Dalam ayat lain pula Allah SWT berfirman:

⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
 ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
² ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿

Maksudnya: Jika kamu **menemui** mereka dalam peperangan, Maka cerai beraikanlah orang-orang yang di belakang mereka dengan (menumpaskan) mereka, supaya mereka mengambil pelajaran.


Dalam ayat yang seterusnya Allah SWT berfirman:

⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
 ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
 ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿
³ ⊠⊡⊢⊣⊤⊥⊦⊧⊨⊩⊪⊫⊬⊭⊮⊯⊰⊱⊲⊳⊴⊵⊶⊷⊸⊹⊺⊻⊼⊽⊾⊿

¹ al-Nisa:’, 4:91
² al-Anfa:l:58.
³ al-Mumtahanat, 60:2


Maksudnya: Jika mereka **menangkap** kamu, nescaya mereka bertindak sebagai musuh bagimu dan melepaskan tangan dan lidah mereka kepadamu dengan menyakitimu; dan mereka ingin supaya kamu (kembali) kafir.

Manakala di dalam ayat yang berikut pula Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka **berada**, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia (maksudnya: perlindungan yang ditetapkan Allah dalam al-Qur'an dan perlindungan yang diberikan oleh pemerintah Islam atas mereka), dan mereka kembali mendapat kemurkaan dari Allah SWT dan mereka diliputi kerendahan.

Seterusnya dalam menerangkan kedudukan orang-orang kafir, Allah SWT berfirman:



¹ A:l-'Imra:n, 3:112.
² al-Ahza:b, 33:61.

Maksudnya: Dalam keadaan terlaknat, di mana saja mereka dijumpai, mereka ditangkap dan dibunuh dengan sehebat-hebatnya.

Daripada apa yang dibentangkan itu didapati perkataan akar yang diambil daripadanya perkataan **الثقافة** itu adalah perkataan yang unik dalam bahasa Arab, yang mempunyai berbagai-bagai bermaksud seperti: menemui, mendapati, membersihkan jiwa, pemikiran, kepintaran dan roh. Ia juga bermaksud sesuatu hasilan daripada pemikiran para intelektual. Manakala dalam satu keadaan lain pula ia digunakan untuk menunjukkan makna yang khusus dan tersendiri seperti **تنقيف الرمح** yang bermaksud menajamkan lembing (tathqif al-Rumhi).

Jadi untuk memberi satu makna ke atas lafaz **ثقف** yang dibaca dengan baris berbeza ini, dilihat kepada kedua-duanya adalah berkaitan dengan penguasaan. Yang pertama penguasaan ke atas orang-orang kafir, iaitu mampu menguasai orang-orang kafir Manakala yang keduanya mampu menguasai bidang-bidang keilmuan dan peradaban. Itulah aspek makna yang boleh mengaitkan kedua-dua makna tersebut. Kedua-duanya berkaitan dengan kemampuan dan penguasaan.

Selain daripada apa yang disebutkan di dalam al-Qur'an perkataan **الثقافة** telah digunakan oleh pemimpin Arab silam sepertimana yang diungkapkan oleh 'A:sim bin 'Amru yang ditujukan kepada tentera al-Qa:disiyyat yang berbunyi:

يَا مَعْشَرَ أَهْلِ الثَّقَافَةِ اسْتَدْبُرُوا الْفِيلَةَ وَقَطُّعُوا وَضَنَهَا¹

Maksudnya: Hai para cerdik pandai, ekorilah gajah-gajah itu dan potonglah tali pelananya.

Kita dapati penggunaan perkataan الثقافة dalam ungkapan di atas adalah dengan merujuk kepada makna cerdik pandai, bijak, berilmu dan segala perkataan yang berkaitan dengan kemajuan serta kepintaran akal fikiran.

Kemudian lafaz ini telah digunakan untuk menunjukkan ketinggian pemikiran, peradaban, sosial sama ada kepada individu atau masyarakat. Ia bukanlah menunjukkan kepada gabungan pemikiran tetapi ia adalah teori tentang tingkahlaku. Ia adalah cara hidup dan padanya sifat-sifat umum yang mendominasi dalam sesuatu bangsa, ia juga memiliki ciri-ciri tersendiri yang membentuk sesuatu bangsa itu, atau juga ideologi yang membezakan sesuatu bangsa itu dengan yang lain. Ia terbentuk daripada kepercayaan, bahasa, nilai, prinsip-prinsip, kepercayaan kepada benda-benda yang suci dan mulia, undang-undang dan pengalaman. Bertitik tolak dari sinilah setiap bangsa mempunyai sifat kebudayaannya tersendiri, dan setiap kebudayaan juga mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri yang menentukan jati dirinya. Dengan demikian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa الثقافة adalah satu jalan yang membezakan

¹ Ahmad Kama:l 'A:dil, hlm. 141.

sesuatu bangsa dengan bangsa yang lain, ini dapat dilihat menerusi kepercayaan, sistem undang-undang, dan setiap yang berkaitan dengan masyarakat dan etika. Seseorang itu telah diciptakan oleh Allah SWT menyerupai seseorang yang lain dari segi bentuknya dan susunan biologi fizikalnya. Cuma berbeza dari segi kepercayaannya, dan berbeza juga dari segi bahasa yang mereka gunakan dan apa yang mereka anuti tentang prinsip dan nilai. Kebudayaan bangsa adalah satu pendirian pemikiran dan amalan dalam penentuan satu-satu nilai yang tetap bagi sesuatu bangsa. Justeru bolehlah dikatakan bahawa kebudayaan Arab adalah berfokuskan kepada jiwa bangsa Arab yang dasarnya adalah kebudayaan kaum yang satu yang juga terdedah kepada cabaran dan permasalahan manusia.¹

Secara umumnya kebudayaan merangkumi setiap aktiviti, tindakan dan fokus yang wujud bagi sesuatu kaum yang berbeza dengan kaum dan bangsa yang lainnya.

Thaqafah Arab bahasanya adalah bahasa Arab, sejarah dan intipatinya bersumberkan Islam. Kewujudannya hasil gabungan tiga elemen iaitu, negara, bangsa, dan Islam. Ia bersifat realistik, praktikal, bebas, merdeka, maju dan berkemanusiaan. Dengan kata lain kebudayaan Arab adalah merupakan kebudayaan yang tersendiri.

¹al-Tuwayjiriyy, hlm. 36.

1.1.3 Kebudayaan Arab Islam

Terdapat perbezaan yang ketara antara kebudayaan Arab sebelum Islam (Jahiliyah) dengan kebudayaan Arab Islam, dimana pengaruh Islam amat ketara sekali dalam kebudayaan Arab yang bermula semenjak diutuskan Rasul. Pengutusan itu bertujuan mengurniakan rahmat Allah kepada manusia sejagat, seperti firman Allah:



Maksudnya: Dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.

Sehubungan dengan ini Rasulullah bersabda:

¹ al-Anbia:’, 21:107

الجلالين: وما أرسلناك يا محمد إلا رحمة أي للرحمة للعالمين الإنس والجن بك.
القرطبي: قوله تعالى: وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين قال سعيد بن جبير عن ابن عباس قال: كان محمد صلى الله عليه وسلم رحمة لجميع الناس فمن آمن به وصدق به سعد، ومن لم يؤمن به سلم مما لحق الأمم من الخسف والغرق. وقال ابن زيد: أراد بالعالمين المؤمنين خاصة.
فتح القدير: وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين أي وما أرسلناك يا محمد بالشرائع والأحكام إلا رحمة لجميع الناس، والاستثناء مفرغ من أعم الأحوال والعلل: أي ما أرسلناك لعل من العلل إلا لرحمتنا الواسعة، فإن ما بعثت به سبب لسعادة الدارين. قيل ومعنى كونه رحمة للكفار: أنهم آمنوا به من الخسف والمسح والاستئصال: وقيل المراد بالعالمين المؤمنون خاصة، والأول أولى بدليل قوله سبحانه: وما كان الله ليعذبهم وأنت فيهم .
البغوي: وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين ، قال ابن زيد : يعني رحمة للمؤمنين خاصة فهو رحمة لهم. [وقال ابن عباس: هو عام في حق من آمن ومن لم يؤمن فمن آمن فهو رحمة له] في الدنيا والآخرة، ومن لم يؤمن فهو رحمة له في الدنيا بتأخير العذاب عنهم ورفع المسح والخسف والاستئصال عنهم، وقد قال النبي صلى الله عليه وسلم: إنما أنا رحمة مهداة .
البيضاوي: وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين لأن ما بعثت به سبب لإسعادهم وموجب لصالح معاشهم ومعادهم ، وقيل كونه رحمة للكفار أمنهم به من الخسف والمسح وعذاب الاستئصال .
الوجيز: وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين للبر والفاجر، فمن أطاعه عجلت له الرحمة، ومن عصاه وكذبه لم يلحقه العذاب في الدنيا، كما لحق الأمم المكذبة

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=21&TafseerNo=1&ayaNo=107>(Jan 2008)

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ .¹

Maksudnya; sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan dan melengkapkan akhlak yang mulia.

Penulis tidak akan memperincikan topik ini di sini. Ini adalah kerana perkara ini sentiasa dibincangkan di kalangan para ilmuwan Islam.

1.1.4 Keterbukaan kebudayaan

Sesungguhnya kebudayaan adalah suatu kerja dan pelaksanaan yang besar yang berterusan dalam satu jangka masa yang panjang, meskipun melalui proses penambahan tetapi masih mengekalkan warisan silam dan memperbaharui nilai kerohaniannya, pemikirannya, di samping menyatukan unsur jatidiri, roh dan aplikasi, maka ini menjadi salah satu penggerak utama kepada kebudayaan. Atau dalam kata lain menjadi salah satu tunjang yang penting.

Adalah menjadi satu hakikat untuk menetapkan elemen-elemen pembentukan kebudayaan adalah satu perkara mustahak. Menjaga elemen-elemen ini juga amat penting. Akan tetapi ini tidak bermakna mana-mana kebudayaan di dunia seperti juga kebudayaan Arab terlepas daripada terdedah kepada kebudayaan lain.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?BkNo=000&Scope=MainBook&Word=مكارم%20الاحلاق&startno=20>. (Jan 2008) 21379: رقم حديث مكارم الاخلاق

Lantaran itu kebudayaan mana-mana bangsa tidaklah tertutup kepada kebudayaan asing malainkan hanyalah mampu menjaga prinsip dan dasar yang asas sahaja. Dasar inilah yang wajib dijaga dan dikekalkan agar tidak mampu dibuang dan dimusnahkan.

Secara prinsipnya, mana-mana kebudayaan adalah tidak terpisah daripada kebudayaan lain, ia menerima dan memberi, tetapi mestilah dijaga prinsip dan dasar yang membentuknya.¹

1.1.5. Kebudayaan Dan Adat

Sepertimana yang disebutkan sebelum ini bahawa adat merupakan salah satu komponen kepada الثقافة. Mengikut *Kamus Dewan* adat adalah: Peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi). Manakala dalam makna lain yang diberikan berkaitan perkataan ‘mengadakan’, iaitu menjadikan sesuatu kebiasaan. Mengikut pengertian yang kedua ini, adat memberi makna sesuatu yang biasa dilakukan.

¹Carol, hlm.83.

Menurut Edward Sapir adat sosial adalah satu istilah yang digunakan untuk menunjukkan gabungan bentuk tingkah laku yang dijaga oleh satu-satu kelompok masyarakat yang diwarisi dan menjadi ikutan'¹

Gillin pula berkata “adat sosial adalah tingkah laku yang berulang yang didapati, dipelajari dan diwarisi, dalam masyarakat”.²

Manakala Ibrahim Madku:r memberi gambaran tentang adat, katanya “Adat adalah tingkah laku yang dipelajari oleh individu-individu dalam sesuatu kelompok masyarakat, ia dianggap sebagai kayu pengukur yang mempunyai nilai sosial serta sebagai cermin kepada masyarakat . Hal ini dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti ketakutan, sindiran, gangguan, jenaka, ganjaran bagi kebaikan dan balasan bagi yang melakukan kejahatan”³.

Daripada penelitian terhadap beberapa buah kamus tentang definisi adat didapati: Yang Pertama; Mengikut kamus *Mukhta:r al-Siha:h*, adat bermaksud sesuatu yang menjadi kelaziman bagi manusia, iaitu sesuatu yang dilakukan secara berulang dan berkali-kali. Kata jamaknya (a:da:t)⁴ Adat juga bermakna melakukan sesuatu lebih dari sekali iaitu dua kali atau berulang kali.

¹ Diya:b, hlm.106.

² Ibid. hlm.106.

³ Madku:r, hlm.169.

⁴ al-Ra:ziyy, hlm.460.

Yang Kedua: Mengikut *Munjid al-Tulla:b* Adat ialah, apa yang menjadi kebiasaan kepada seseorang yangmana perkara itu selalu diulang-ulangkan.¹

Jadi apa yang dimaksudkan dengan adat itu ialah sesuatu yang menjadi kelaziman bagi manusia, iaitu sesuatu yang dilakukan secara berulang dan berkali-kali dan perkara itu dianggap sebagai sesuatu yang biasa dari segi amalannya.

Antara adat orang Arab apabila berucap meletakkan tangan di pinggang, mengisyaratkan dengan tongkat dan lembing. Sehingga para raja-raja sentiasa memegangnya dalam majlis-majlis mereka. Seperti kata penyair "

فِي كَفِّهِ خَيْرَانُ رِيحُهُ عَبْقُ * بِكَفِّ أَرْوَاعٍ فِي عَرْنِينِهِ شَمَمٌ²

Maksudnya: Di tangannya ada tongkat rotan berbau wangi. Dengan tangan juga berbau lebih semerbak.

Contoh lain bagi adat Arab juga bertikam lidah sebelum beradu melawan musuh dengan menggunakan sajak dengan rima, juga ketika menggambarkan musuh, ketika sedang berdebat dan berbincang. Begitu juga dalam majlis perkahwinan

¹ Ibn Manzu:r, *Lisa:n al-‘Arab*, perkara د و ع Dan lihat juga ‘*Munjid al-Tulla:b*’ dan beberapa kamus Arab lain.

² al-Ja:hiz, *al-Baya:n Wa al-Tabyi:n*, jld.3, hlm.41.

dan majlis meraikan kemenangan,. Mereka menggunakan ucapan berbentuk prosa dan sajak dalam menceritakan sesuatu.¹

Menggunakan cerita pendek apabila menceritakan tentang perdamaian. Dan menggunakan ucapan apabila berakad dan membuat janji, .mereka berucap secara semulajadi dan spontan sehinggakan ucapan mereka tidak dibuat-buat tidak memerlukan masa untuk mengarang, tidak melampau menggunakan rima dan wazan.

Antara adat lain mereka akan memakai serban jika ada perhimpunan, bercekek pinggang apabila berucap, duduk dalam majlis perkahwinan, berdiri dalam majlis perdamaian dan penceritaan, membuat penegasan dalam bersumpah dan urusan berkaitan jiran, berucap dalam perjalanan mereka dalam peristiwa-peristiwa dan perhimpunan-perhimpunan besar, bertolak ansur dengan menahan diri, bersumpah dengan api, berakad dengan garam, sentiasa menjadikan perjanjian penting dan berjanji dengan sumpah dan lain-lain lagi.²

Daripada apa yang dipaparkan itu dapat disimpulkan bahawa adat adalah merupakan sebahagian daripada komponen-komponen kecil yang terbentuk

¹ al-Ja:hiz, *al-Baya:n Wa al-Tabyi:n*, jld.3, hlm.41.

² al-Qaysiyy, hlm. 170. Lihat juga: Abu: ‘Aliyy, hlm.104 dan 105.

daripadanya sesuatu budaya, dimana ianya mempunyai peranan di dalam mencorakkan sesuatu kebudayaan bagi sesuatu bangsa.

1.1.6 Budaya Dan Akhlak

Akhlak dan etika merupakan unsur yang terpenting dalam الثقافة . Sehubungan dengan itu seorang penyair Arab telah mengungkapkan bait di bawah ini di dalam memberikan gambaran tentang peri pentingnya akhlak di dalam الثقافة . Justeru ia memainkan peranan yang penting dalam kelangsungan sesuatu bangsa :

إِنَّمَا الْأُمَّمُ بِالْأَخْلَاقِ مَا بَقِيَتْ * فَإِذَا ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا¹

Maksudnya: Sesungguhnya kelangsungan sesuatu umat itu bergantung sepenuhnya kepada akhlak, apabila hilangnya akhlak dari sesuatu umat atau bangsa itu, umat dan bangsa itu sendiri turut terkubur.

Dalam kebudayaan Arab terbinanya sebuah masyarakat dan pembinaan diri manusia berasaskan akhlak dan nilai-nilai terpuji dalam diri insan. Ini kerana akhlak adalah asas yang diperlukan bersama perkara lain bagi menguatkan sistem politik, tarbiah, ilmu sosial, peradaban dan juga kesenian. Seorang penyair Arab berkata :

¹ Ahmad Shawqi, hlm. 78

صَلَاحُ أَمْرِكَ لِأَخْلَاقِي ۖ مَرْجِعُهُ
فَقَوِّمِ النَّفْسَ بِأَخْلَاقِي تَسْتَقِيمُ¹

Maksudnya: Keindahan amalanmu bergantung pada pekertimu, Justeru tegakkanlah dirimu dengan budi pekerti pasti engkau akan berada di landasan yang lurus.

Keindahan pekerti ini tidak pernah sekalipun terpisah daripada tuntutan agama. Dan dalam waktu yang sama akhlak ini melengkapkan kekuatan tauhid kepada Allah, kebebasan dan keadilan. Kesempurnaan dan keindahan akhlak dan pekerti ini bergantung kepada sejauh mana ia terbina di atas asas iman kepada Allah, kejernihan jiwa dan kepercayaan kita kepada hari pembalasan.

Oleh itu akhlak bukan hanya sekadar satu teori umum malah satu unsur praktikal yang mesti dilalui setiap insan sebagai ahli masyarakat.

Akhlak terbina di atas kebebasan memilih dan menerima tanggungjawab. Dan setiap individu bertanggungjawab terhadap tugas dan kerjanya. Jika undang-undang dicipta untuk kemudahan material (dan fizikal) manusia, akhlak adalah lebih daripada itu. Namun begitu pembentukan peribadi mulia mesti bermula dengan pendidikan secara teori dan praktis. Tanpa semua ini, peribadi yang mulia atau kemuliaan yang dicanangkan ini hanya menjadi sekadar omongan dan wacana

¹ Ha:fiz Ibra:hi:m, hlm.129

kosong sahaja. Ini kerana secara praktikalnya pembentukan peribadi mulia akan memberikan manfaat kepada umum.

Peribadi yang mulia adalah pemangkin kepada masyarakat, politik, perlembagaan dan undang-undang yang telus. Ia berkait rapat dengan ketauhidan kepada Allah, keadilan dan kebebasan sejagat. Maka secara umumnya kita dapati pengertian akhlak pada budaya Arab ialah penonjolan sikap dan peribadi mulia secara individu dan berkelompok dengan setiap orang berfikir secara individu dan bekerja bersama secara kumpulan dengan penuh adil dan saksama.

Dalam konteks akhlak budaya Arab membezakan di antara taqwa dan suluk atau kerahiban. Selain meninggalkan perkara yang haram, taqwa juga memerlukan seseorang individu beramal untuk kebaikan semua orang dalam kitaran akhlak yang mulia. Ini bermakna ia tidak boleh menerima kezuhudan dan ibadat berasingan yang terpisah daripada masyarakat dan amal kebajikan dan juga bukan kerahiban dan *al-taqashshuf* iaitu menampakkan kedaifan diri dan pakaian yang keterlaluan.¹

Matlamat akhlak ialah memuliakan kehendak dan keperluan diri, dan cuba memenuhinya dengan secara berhemah bukan menghalangnya. Akhlak mempunyai peraturan yang bersistem bukan rantai kekangan yang tidak berhujung. Dengan sistem dan peraturan yang ada kebudayaan Arab tidak

¹ al-Qaysiyy, 2005, hlm.183.

menyeru ke arah masyarakat yang tenggelam dengan nafsu syahwat, bahkan memandunya ke arah kesederhanaan dan kesaksamaan yang memelihara jasad, akal dan roh. Ia tidak mengharamkan perhiasan hidup tetapi mengajak masyarakat mencarinya secara berpada-pada. Ini kerana nafsu manusia ada yang baik dan ada yang buruk. Akan tetapi akhlak yang berpaksikan agama boleh memandu manusia untuk menyucikan diri daripada nafsu jahat dan mengangkatnya ke martabat yang paling mulia.¹

Akhlak bukan bermatlamatkan seperti yang digambarkan oleh falsafah Greek (sebagai kebahagiaan dan kelazatan semata). Ia bukan hanya bermakna kesederhanaan peribadi yang bersifat sementara dan bebas melakukan apa sahaja selepas suatu tempoh yang ditetapkan. Ini adalah pandangan Greek yang ternyata menyimpang daripada Islam. Ini kerana taqwa dalam maksud yang sebenar ialah meninggalkan yang haram dan menerima yang halal.²

Akhlak yang dimaksudkan oleh kebudayaan Arab ialah amalan praktis dan bukan teori semata-mata. Ia merangkumi pembinaan diri (yang bermaksud hubungan individu dengan tuhan) dan pembangunan masyarakat (yang bererti hubungan sesama individu dalam masyarakat). Akhlak adalah berkait rapat dengan akidah dan tidak pernah terpisah daripadanya. Ini memberi maksud setiap kebaikan yang dilakukan adalah untuk semua. Oleh itu untuk mendapat kebahagiaan yang

¹ Nayf Sulayma:n, hlm. 134.

² Uthma:n, hlm.39.

menjadi matlamat semua manusia, setiap orang mesti melakukan kebaikan. Bukan bertujuan memperoleh ganjaran pahala untuknya seorang sahaja tetapi untuk kebaikan bagi semua manusia hasil daripada saling bantu-membantu sesama anggota masyarakat.

Kebudayaan Arab juga memberikan makna yang jelas tentang kebebasan, iaitu kebebasan yang bersifat menjaga dan memelihara urusan dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Kebebasan akan terhenti apabila ia mula mencabul hak dan kebebasan orang lain. Oleh itu manusia sebagai individu merupakan sebahagian daripada masyarakat yang bertunjangkan akhlak yang luas, bukan tertutup pada peringkat tertentu sahaja. Paksinya adalah kebebasan individu dan (pemerolehan) ruang merealisasikan tuntutan peribadi masing-masing.

Akhirnya akhlak yang mulia akan menjadi benteng kukuh yang menentang kekacauan, kezaliman dan kejahatan keseluruhannya. Namun begitu benteng ini boleh berubah mengikut keperluan agar generasi terkemudian boleh memilih jalan kehidupan yang sesuai dengan ajaran al-Qur'an dan perkembangan zaman serta kelainan suasana ketika itu nanti.

Masyarakat Arab dahulu dan sekarang mewarisi tradisi (juga ikutan) melalui kehidupan beragama, adat resam dan kepercayaan mereka terhadap perkara khurafat. Lamberg berkata, tradisi atau ikutan ini ialah pengalaman, kenangan dan riwayat tentang adat resam, kebiasaan, kepercayaan dan juga pengalaman nenek

moyang mereka terdahulu. Sementara Ibrahi:m Madku:r pula menyatakan, tradisi Arab ialah cerita-cerita individu yang pada asalnya adalah berasingan di antara satu-satu individu dengan yang lain tetapi akhirnya kesemua cerita ini bersatu antara satu sama lain menjadi satu elemen kemasyarakatan. Ia disimpulkan sebagai satu cerita yang dicipta oleh masa lampau, diteruskan oleh masa kini dan dipelihara oleh manusia yang hidup padanya.

Tiga kriteria utama yang membentuk tradisi Arab ialah;

- 1- Peristiwa atau kisah yang terjadi
- 2- Cerita peristiwa yang berulang atau diulang-ulang.
- 3- Bagaimana kisah yang diriwayatkan ini dipelihara walaupun tidak difahami sebabnya.

Adat atau tradisi sentiasa dipertahankan walaupun ia boleh menyebabkan kerugian pada masyarakat tersebut. Seperti yang kita lihat pada tradisi pertaruhan yang sangat diagungkan dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Ada tanggapan dalam kalangan mereka bahawa pertaruhan dan perjudian kadang-kadang menjadi satu peluang mendapatkan kekayaan, keuntungan dan nasib baik walaupun mereka yang bertaruh itu berdepan dengan risiko kerugian seperti kehilangan isteri, anak-anak dan keluarga. Ini kerana tuntutan memenuhi runtunan nafsu dan keinginan menyebabkan mereka mengambil jalan singkat ini.

Aktiviti pemburuan yang dijalankan oleh masyarakat Arab Jahiliyah boleh dianggap sebagai salah satu daripada kebudayaan mereka. Aktiviti tersebut bolehlah juga dinggap sebagai salah satu adat kepada masyarakat tersebut, dengan merujuk kepada adat adalah merupakan salah satu komponen kepada kebudayaan. Budaya berburu ataupun adat berburu dalam kalangan masyarakat Arab silam adalah merupakan suatu aktiviti yang tabie ataupun neutral pada asalnya selagi ia tidak dikaitkan dengan sesuatu yang negatif dalam agama dan tidak bertentangan dengan tuntutan masyarakat dan keperluan mereka.

1.2 Kepentingan Tajuk Kajian

Bahasa dan budaya merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Oleh sebab kedua-duanya saling pengaruh dan mempengaruhi antara satu sama lain. Sehubungan dengan ini penulis mengemukakan dua peringkat kepentingan yang terdapat pada tajuk kajian ini.

1-Kepentingan secara umum:

Pertama: Perkara yang paling penting bagi seorang Muslim ialah melaksanakan tuntutan agama. Kajian ini dilakukan sebagai memenuhi tuntutan agama. Allah SWT telah memerintah dan menuntut semua hambaNya supaya membuat dan melakukan penyelidikan terhadap segala apa yang telah diciptanya di atas muka bumi ini. Perintah ke arah menjalankan kajian terhadap haiwan telah disebut

secara khusus di dalam al-Qur'an. Salah satu firman yang berkaitan dengan perkara ini ialah: أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ¹ yang bermaksud: tidakkah mereka itu memerhatikan (membuat penyelidikan) tentang bagaimanakah unta itu dicipta. Manusia dituntut melakukan penyelidikan terhadap semua jenis haiwan. Akan tetapi unta disebut dalam ayat di atas adalah kerana unta merupakan salah satu binatang yang hidup dikalangan orang Arab.

Kedua: Kepentingan pada *mathal* itu sendiri, dimana *mathal* dalam banyak keadaan adalah gambaran benar dan tepat terhadap keadaan dan fenomena sesuatu bangsa dan sesuatu umat. *Mathal* mengandungi intipati bagi segala apa yang dialami, dijalankan dan dilalui semenjak lama dahulu. Ia merupakan sesuatu yang dialami daripada ketamadunan mereka. *Mathal* juga merupakan intipati yang berpusatkan kepada pengalaman yang terdiri daripada susah payah, pahit jerih, keperitan dan kemarahan serta pengalaman yang berkaitan dengan kebahagiaan dan kerelaan. Dalam *mathal* juga kita dapati adanya berbagai lagi perubahan yang menggambarkan perubahan dalam kemasyarakatan. *Mathal* juga memberikan gambaran tentang individu-individu dalam masyarakat tersebut dengan menggunakan berbagai metode dan cara. Jadi melalui kajian ini banyak perkara di atas dapat didedahkan dan dijadikan pengajaran.

¹al-Gha:shiyat, 88:17

2-Kepentingan secara khusus

Pertama: *Mathal* merupakan satu bidang bahasa yang amat dititiberatkan oleh generasi terdahulu. Namun penekanan terhadap bidang ini makin terhakis. Dengan adanya fenomena seperti ini *mathal* akan dianggap sesuatu yang tidak relevan dengan pengajian semasa. Dengan adanya kajian seumpama ini perhatian terhadap *mathal* akan dapat dipulihkan sepertimana sebelumnya.

Kedua:Faedah dari segi kesedaran tentang kepentingan mengenali budaya lain. Terutama sekali budaya asing yang ada kaitan dengan budaya kita. Sifat keterbukaan yang ada pada setiap budaya itu akan memberikan peluang kepada sesuatu bangsa itu untuk menokok tambah apa yang kurang, meluruskan apa yang bengkok serta memperkuatkan apa yang lemah.

Ketiga: Faedah dari segi kesedaran tentang hubungan manusia dengan haiwan buruan. Hubungan manusia dengan haiwan akan berterusan sampai ke bila-bila. Ini adalah kerana penciptaan haiwan itu sendiri adalah untuk memenuhi keperluan manusia dalam kelangsungan hidupnya.

Keempat: Faedah dari segi mengenali budaya pemburuan. Kajian ini akan dapat mendedahkan aktiviti perburuan yang dijalankan oleh masyarakat Arab Jahiliyah.

Kelima: Kajian ini banyak mengemukakan *mathal-mathal* Arab serta penggunaannya dalam berbagai situasi dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai nasihat dan teladan ke arah penambahbaikan sikap seseorang ke arah yang lebih baik.

Keenam: Kajian ini boleh membantu ke arah pengkayaan *mathal* setempat dimana terdapat banyak *mathal* Arab yang boleh digunakan secara langsung dengan situasi tempatan yang sedia ada.

Jadi kepentingan tajuk kajian ini merujuk kepada faedah-faedah yang didapati daripada kajian ini setelah kajian ini dapat dijayakan dengan baiknya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif-objektif yang berikut:

- 1- Meneliti unsur-unsur budaya yang telah mempengaruhi pengungkapan *mathal*.
- 2- Mendapatkan gambaran serta menyelami persepsi orang-orang Arab mengenai latar belakang kebudayaan Arab ketika berlakunya pengungkapan *mathal* berkaitan dengan aktiviti pemburuan.
- 3- Melihat hubungan timbal balik di antara *mathal* dengan aktiviti pemburuan.
- 4- Mengenalpasti pengajaran dan teladan yang dibawa oleh sesuatu *mathal*.

- 5- Mengenalpasti *mathal-mathal* Arab yang ada persamaan dengan peribahasa Melayu serta *mathal* Arab yang boleh diterima pakai secara langsung dalam masyarakat Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai persoalan-persoalan yang berikut:

- 1- Apakah jenis-jenis *mathal* Arab yang berkisar dalam kalangan orang-orang Arab dan orang-orang Islam dan apakah kedudukannya serta peranannya dan apakah jenis-jenisnya.
- 2- Apakah gambaran-gambaran dan idea-idea tentang pemburuan zaman Jahiliyah.
- 3- Apakah gambaran yang telah diberikan oleh *mathal* tentang persepsi orang-orang Arab tentang aktiviti pemburuan dan aspek-aspek lain di dalam pemburuan.
- 4- Apakah pengajaran dan teladan yang dibawa oleh sesuatu *mathal*.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan seperti berikut:

- 1- Kajian hanya dilakukan ke atas *mathal* Arab asli dan tidak termasuk “*al-muwalladin*”.

- 2- Dari segi batasan masa kajian ini menumpukan kepada zaman Jahiliyah.
- 3- Kajian hanya ke atas *mathal* yang berkaitan dengan pemburuan termasuk binatang, peralatan dan teknik.
- 4- Lokasi kajian ini adalah Semenanjung Arab sahaja.

1.6 Bidang Kajian

Kajian ini akan menyentuh aspek semantik, budaya Arab dan jendela alam masyarakat Arab zaman Jahiliyah.

1.7 Kaedah Kajian.

Secara umumnya kajian ini akan menggunakan dua metodologi utama iaitu:

i- Kajian perpustakaan:

Kajian ini dijalankan dengan cara mengumpulkan maklumat daripada buku-buku yang berkaitan dengan bahan kajian yang ada dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian perpustakaan juga dilakukan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kebudayaan Arab dan juga bahasa kiasan. Kebudayaan merupakan acuan dimana terbentuk di dalamnya aktiviti pemburuan yang dilakukan oleh orang-orang Arab Jahiliyah. Manakala bahasa kiasan pula merupakan acuan dimana terbentuk di dalamnya *mathal*. Selain dari itu kebudayaan turut menjadi acuan kepada terbentuknya bahasa kiasan yang mana *mathal* adalah salah satu daripadanya. Kaitan di antara *mathal* dan perburuan

merupakan hubungan dua hala. Terbentuknya *mathal* adalah hasil daripada pengalaman yang berkaitan dengan pemburuan yang terdiri daripada berbagai aspek berkaitan seperti binatang buruan, alat perkakas, senjata, teknik, kepercayaan dan lain-lain. Seterusnya *mathal* yang terbentuk daripada keadaan yang tersebut akan menjadi media di dalam memaparkan kegiatan-kegiatan berkaitan. Kajian difokuskan kepada *mathal-mathal* yang terdapat dalam kitab *Majma' al-Amthal* oleh Ahmad bin Muhammad al-Mayda:niyy. Penumpuan kepada buku ini adalah kerana ia didapati paling lengkap dengan perkara-perkara yang dikaji. Manakala penterjemahan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan kajian ini dirujuk kepada "Quran in word" oleh Mohamad Taufiq.

ii- Analisis data:

Secara umumnya data-data yang terdiri daripada *mathal-mathal* yang berkaitan dengan pemburuan akan dianalisis dan dikelaskan kepada beberapa bahagian. Terdapat tiga bahagian penting berkaitan dengan perkara ini; yang pertama berkaitan dengan binatang buruan, kedua berkaitan jenis-jenis buruan dan yang ketiga berkaitan dengan peralatan perburuan dan juga binatang perburuan. Hasil daripada susunan ini nanti akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang aktiviti perburuan yang dilakukan oleh orang-orang Arab Jahiliyah. Dalam masa yang sama ia turut memberikan gambaran tentang perkara-perkara yang telah mempengaruhi pembentukan sesuatu *mathal*.

1.8 Kajian Lampau.

Di bawah ini penulis memaparkan beberapa hasil akademik yang dilakukan beberapa orang ahli bahasa yang telah memainkan peranan penting di dalam melakukan penyelidikan dan pengumpulan *mathal*. Apa yang dipaparkan oleh penulis di sini adalah sebahagian kecil daripada puluhan pengumpul dan penyelidik *mathal* yang telah memberikan sumbangan yang amat bermakna ke arah kelangsungan *mathal*. Jadi apa yang dipaparkan oleh penulis di sini adalah sebagai contoh sahaja.

1.8.1 al-‘Askariyy – *Jamharat al-Amtha:l*.

Nama penuh beliau ialah al-Hasan bin ‘Abdullah bin Sahl bin Sa‘i:d bin Yahya bin Mahran Abu: Hila:l al-‘Askariyy.

Lahir di ‘Askar Mukram. Jadi al-‘Askariyy itu adalah nisbah kepada tempat kelahiran dan tempat di mana beliau dibesarkan¹.

Tidak banyak diketahui tentang sejarah awalnya. Yang dapat diketahui hanyalah tentang kerjayanya di peringkat permulaan hidupnya adalah sebagai seorang saudagar. Dalam menguruskan urusan perdagangannya beliau sentiasa berpindah

¹ al-Zirikla(al-Zirikliyy), Jil. 2, hlm.196.

di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain,¹ Dalam kesibukannya di dalam perniagaan bidang akademik tidak diketepikan.

Abu: Hila:l merupakan seorang yang sangat menonjol dalam bidang akademik. Beliau mempunyai kepakaran dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dan cabang dalam bidang bahasa, seperti *ghari:b al-lughat*, puisi, kesusasteraan dan kritikan sastera. Karya-karyanya yang berkaitan dengan kritikan terkandung dalam kitab “*al-Sina:‘atayn*”, dimana di dalam kitab ini juga dimuatkan dengan asas dan metodologi kritikan puisi dan prosa.

Beliau telah meninggalkan tidak kurang daripada 26 karya agong, yangmana salah satu daripadanya ialah kitab “*Jamharat al-Amtha:l*”.

Kitab ini merupakan salah satu daripada kitab induk dalam bidang kesusasteraan Arab. Kandungannya terdiri daripada *mathal-mathal* Arab yang asli.² Di samping itu ia mengandungi sejarah Arab bagi kedua-dua zaman, iaitu zaman Jahiliyah dan zaman Islam. Ia juga turut dimuatkan dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan bahasa serta bukti-bukti daripada al-Qur’an dan Hadis serta penggunaan dan pemakaiannya kalangan orang-orang Arab silam dalam kedua-dua bentuk, syair dan prosa. Berbanding dengan kitab-kitab *mathal* yang lain, kitab ini adalah

¹ al-‘Askariyy, jld. 1, hlm. ب .

² Apa yang dimaksudkan dengan ‘asli’ ialah bukan ‘*mathal muwallad*’

merupakan yang terpanjang. Manakala penerangan terhadap *mathal-mathal* pula lebih luas dan menyeluruh.

Untuk memudahkan para pembaca dan pengkaji Abu: Hila:l telah menyusun *mathal-mathal* dalam kitabnya itu mengikut susunan huruf abjad, iaitu sama seperti susunan perkataan dalam kamus semasa.

Setiap *mathal* disusuli dengan penerangan-penerangan yang menerangkan makna bagi perkataan yang terdapat dalam *mathal* itu serta makna ungkapannya. Turut dijelaskan sumber kepada *mathal* berkenaan dan juga penggunaannya.

1.8.2 al-Zamakhshariyy – *al-Mustaqsa*:

Nama penuh al-Zamakhshariyy ialah Mahmu:d bin ‘Umar bin Muhammad bin Ahmad al-Khawarizmiyy. Beliau juga mempunyai dua gelaran lain iaitu: Ja:r Allah (Ja:rullah) dan Abu: al-Qa:sim.¹

Beliau dilahirkan pada tahun 467H bersamaan 1075M di Zamakhshar, iaitu salah sebuah kampung di Khawarizam².

¹ al-Dhahabiyy, jld.1, hlm.279. Lihat juga: al-Zirikla(Al-Zirikliyy), jld. 2, hlm.196.

² Ibid, jld. 2, hlm.196.

Gelaran Ja:rullah (Ja:r Allah) yang diberikan kepada beliau ialah kerana beliau pernah mengembara dan pergi ke tanah suci Mekah dan menetap di sana dalam suatu tempoh yang tertentu. Selepas itu beliau meneruskan ekspedisi keilmuannya ke beberapa negara. Selepas itu beliau kembali ke Jurjan¹.

Beliau merupakan salah seorang daripada beberapa tokoh agama yang terulung. Beliau juga merupakan seorang tokoh bahasa Arab di dalam berbagai-bagai cabangnya,. Antara karya peninggalan beliau ialah *al-Kashsha:f*, *Asa:s al-Bala:ghat*, *al-Maqa:ma:t*, *al-Jiba:l Wa al-Amkinat Wa al-Miya:h*, *Muqaddimat al-Adab*, *al-Fa:'iq Fi: al-Lughat*, *al-Mu'dal*, dan banyak lagi.²

Beliau hidup sezaman dengan 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy, seorang tokoh ilmu Bala:ghat yang telah banyak mewariskan hasil karyanya, serta memberikan sumbangan yang amat bermakna dan tidak ternilai di dalam bidang itu. Dari segi umur antara keduanya hanya berbeza empat tahun sahaja dimana al-Zamakhshariyy lebih tua daripada al-Jurja:niy.

Beliau meninggal dunia pada tahun 538H bersamaan 1144M dengan meninggalkan hasil karya sepertimana yang disebutkan di atas di samping sebuah

¹ Jurjan merupakan sebuah penempatan yang termashur, ia terletak di antara Tabaristan dengan Kharasan.

² al-Zirikla(al-Zirikliyy)\, jld.7, hlm.178.

karya yang paling bermakna bagi kajian ini iaitu “*al-Mustaqsa: Fi: Amtha:l al-‘Arab*”.

Sepertimana kebanyakan kitab *mathal* lain, kitab ini juga turut disusun mengikut susunan huruf abjad. Dimana setiap bab itu dinamakan dengan huruf yang berkenaan. Dengan demikian buku ini terdiri daripada 28 bab, yang mengumpulkan sebanyak 3264 *mathal*.¹

Dari segi persembahannya ianya agak berbeza dari kebanyakan buku *mathal* yang dihasilkan oleh para ulama yang lain. Dalam memberi penerangan terhadap sesuatu *mathal*, al-Zamakhshariyy lebih cenderung kepada membawa *mathal-mathal*, ayat-ayat, puisi-puisi dan ungkapan-ungkapan lain yang dikira ada kaitan dengan *mathal* yang dikemukakan. Beliau juga menerangkan tempat-tempat serta keadaan–keadaan di mana *mathal* tersebut sesuai digunakan.

1.8.3 al-Mayda:niyy – *Majma‘ al-Amtha:l*

Nama penuh bagi al-Mayda:niyy ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Naysabu:riyy al-Mayda:niyy. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Naysabu:r. Beliau merupakan seorang sasterawan Arab yang terkenal. Beliau juga merupakan seorang tokoh bahasa, terutama sekali ilmu nahu dan juga cabang-cabang ilmu

¹ al-Zamakhshariyy, hlm.10.

bahasa yang lain.¹ Di samping itu beliau juga merupakan seorang ulama tafsir yang mana gurunya di dalam bidang ini ialah ‘Aliyy bin Ahmad al-Wa:hidhiyy. Pada tahun 470H. beliau berguru dengan al-Ima:m ‘Aliyy bin Fadl yang telah datang ke Naysabu:r sebagai pusat akademik yang terulung pada ketika itu.²

Manakala di dalam bidang kesusasteraan Arab banyak karya yang telah dihasilkan oleh beliau. Antaranya ialah:

المهادي للشادي للحروف والادوات، السامي للاسامي، النموذج في النحو، شرح

المفضليات، نزهة الطرف في علم الصرف، منية الراضي في رسائل القاضي والمصادر.

Ketika beliau mengunjungi Abi: ‘Aliyy Muhammad bin Arsila:n – salah seorang pembesar dari kalangan Saljuk – al-Mayda:niyy telah diminta oleh ‘Aliyy untuk menyusun sebuah buku yang mengumpulkan semua jenis *mathal* sama ada *mathal* Jahiliyah, *mathal* Islami, *mathal* tulin dan lain-lain³.

Dengan demikian al-Mayda:niyy pulang ke kampung asalnya, dan terus menggembeling tenaga ke arah merealisasikan buku tersebut sepertimana yang diminta. Beliau mengumpulkan tidak kurang daripada 50 buah buku hasil karya

¹ al-Zirikla(al-Zirikliyy):, 1979, jld.1, hlm.214.

² al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm.0

³ Ibid, jld 1, hlm.0

para ulama besar yang sezaman dengannya dan juga yang sebelumnya untuk mencari *mathal-mathal* berkenaan¹.

Apabila *mathal-mathal* tersebut telah dikumpulkan, beliau mula menyusunnya mengikut susunan huruf abjad, iaitu sepertimana yang terdapat dalam susunan kamus semasa. Dengan demikian bilangan bab bagi kitab ini adalah sama bilangannya dengan bilangan huruf ejaan Arab. Di samping itu terdapat dua bab tambahan yang mana bab yang ke-29 dikhususkan untuk nama-nama peperangan yang diharungi oleh orang-orang Arab. Manakala bab yang ke-30 pula diisi dengan ungkapan-ungkapan ringkas oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ini disusuli ungkapan-ungkapan ringkas oleh Khulafa al-Rashidin dan para sahabat yang lain.

Kitab ini mengandungi 4765 *mathal* Arab tulin. Bilangan ini tidak termasuk beratus-ratus *mathal* muwallad iaitu yang dibawa masuk dari luar dan diarakkan. Manakala bilangan keseluruhan *mathal* melebihi enam ribu. Setiap *mathal* yang menggunakan perkataan gharib -atau perkataan yang jarang digunakan-, diberi penerangan dan makna bagi ungkapan *mathal* itu. Turut diterangkan ialah penggunaannya.

¹ al-Mayda:niyy, jld.1. hlm.0

al-Mayda:niyy merupakan sanjungan ramai, dengan demikian terdapat ungkapan yang telah dibuat oleh seseorang di dalam memujinya, ungkapannya berbunyi:

"لو كان للذكاء والشهامة، والفضل صورة لكان الميداني تلك الصورة"

Maksudnya: Sekiranya kecerdikan, kebijaksanaan dan kelebihan itu mempunyai gambar, maka gambarnya adalah al-Mayda:niyy.

Antara bait puisi peninggalan beliau ialah:

تَنَفَسَ صُبْحَ الشَّيْبِ فِي لَيْلٍ عَارِضِي # فَقُلْتُ: عَسَاهُ يَكْتَفِي بِعَذَارِي
فَلَمَّا فَشَا عَاتِبْتُهُ فَأَجَابَنِي # أَلَا هَلْ يُرَى صُبْحُ بَعِيرٍ نَهَارًا¹

Maksudnya:

Fajar uban (uban awal) mula menyingsing pada malam (kehitaman) tepi kepalaku. Aku berkata semuga (kemaraannya) terhenti atas rayuanku. Apabila ia (uban) tersebar aku mencercanya. Dia menjawab apakah pagi boleh dilihat (kedatangannya) tanpa kemunculan siang.

¹ al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. Pendahuluan.

1.8.4 Abu: Mansu:r al-Tha'a:libiyy

Nama penuh al-Tha'a:libiyy ialah Abu: Mansu:r 'Abd al-Malik bin Muhammad bin Isma'i:l al-Tha'a:libiyy.¹ Beliau dilahirkan di Naysabu:r.² pada tahun 350H. Ketika beliau dilahirkan, Naysabu:r merupakan gedung ilmu pengetahuan. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang sederhana yang terlibat dalam industri kulit tha'lab.³ Beliau digelar dengan gelaran al-Tha'a:libiyy sempena industri yang dijalankan oleh keluarganya.

Di peringkat awal hidupnya beliau turut serta menceburi industri yang dijalankan oleh keluarganya. Namun kegemarannya yang amat sangat di dalam mendalami ilmu pengetahuan telah menjadikan beliau ulat buku dan peneman guru yang menghabiskan lebih banyak masa hariannya di dalam membaca dan mengkaji serta mengumpul ilmu pengetahuan.⁴

Minat serta cita-cita beliau dalam mendalami ilmu pengetahuan telah disusuli tuah, dimana beliau telah mendapat tempat kalangan para pembesar negara. Ini semua memberi peluang keemasan kepada beliau untuk merealisasikan cita-cita beliau. Dengan demikian al-Tha'a:libiyy telah memainkan peranannya dalam

¹ al-Zirikla(al-Zirikliyy), jld.4, hlm.163.

² Naisabur ialah sebuah Bandar yang terletak berhampiran dengan Jurjan di Iran.

³ *Tha'lab* ialah sejenis binatang seperti musang. Orang Arab mengenalinya sebagai binatang yang mempunyai muslihat dan tipu helah., sehingga ianya dijadikan perumpamaan berkaitan dengan tipu helah. Ini samalah seperti orang-orang Melayu menjadikan kancil sebagai perumpamaan di dalam kecerdekan.

⁴ al-Tha'a:libiyy, hlm.4.

penyebaran ilmu pengetahuan kalangan para pembesar negara. Seiring dengan itu beliau dapat menggauli para ilmuwan lain. Keadaan ini banyak membantu beliau dalam merealisasikan impiannya dalam meningkatkan keserjanaan dan keilmuannya.¹

Mengikuti kajian yang dibuat oleh ‘Abd al Fatta:h Muhammad al-Hilw, bahwa al-Tha‘a:libiyy telah menghasilkan tidak kurang daripada 84 karya dalam berbagai cabang di dalam bidang bahasa. Antaranya ialah kitab “*al-Tamthi:l Wa al-Muha:darat*”. Kitab dikhususkan bagi pengumpulan *mathal-mathal* Arab.²

Kitab ini merupakan salah satu daripada beberapa kitab yang paling menarik dan paling bernilai yang dihasilkan oleh beliau. Kitab ini telah dipersembahkan kepada salah seorang pembesar dan pemerintah tertinggi pada masa itu, iaitu Ami:r Shamsul al-Ma‘a:liyy Qa:bu:s, iaitu pemerintah Jurjan³. Kitab ini digunakan oleh pemimpin tersebut dalam memenuhi keperluannya.

Kitab Abu: Mansu:r al-Tha‘a:libiyy ini merupakan salah satu daripada beberapa kitab yang paling menonjol dalam pengumpulan dan penerangan terhadap *mathal-mathal* Arab.

¹ al-Tha‘a:libiyy, hlm.5.

² Ibid. hlm.6.

³ al-Zirikla(al-Zirikliyy), jld.5, hlm.170.

Mengikuti Muhammad al-Hilw lagi, kitab asal “al-Tamthi:l Wa al-Muha:darat” terdiri daripada 122 halaman, manakala naskhah salinannya terdiri daripada 178 halaman.

Sebagai membuka tirai kepada kitabnya itu, al-Th‘a:libiyy terlebih dulu memanjatkan kesyukuran dan dan mempersembahkan segala pujian kepada yang maha esa di atas segala limpah kurnianya. Kebanyakannya diungkapkan dalam bentuk puisi. Ini disusuli dengan persembahan beberapa *mathal* lama yang termaktub di dalam ketiga-tiga kitab “*sama:wiyy*” iaitu: Taurat, Injil dan Zabur.

Seterusnya beliau berpindah kepada *mathal-mathal* serta ungkapan-ungkapan hikmat yang telah diungkapkan oleh para Nabi dan Rasul sebelum Nabi Muhammad SAW.

Seterusnya beliau menghidangkan *mathal-mathal* petikan daripada al-Qur’an al-Karim disusuli dengan sabda-sabda Baginda Rasulullah SAW yang berbentuk *mathal*.

Ini disusuli dengan *mathal-mathal* yang telah diungkapkan oleh para pujangga Arab yang terdiri daripada para sasterawan, penyair-penyair, pemedato-pemedato, tokoh-tokoh dalam berbagai-bagai bidang ilmu Islam para pemimpin dan lain-lain

lagi. Apa yang dikemukakan oleh tokoh ini di dalam kitabnya, kebanyakannya berbentuk puisi.

Pencarian *mathal* di dalam buku ini boleh dibuat sama ada dengan mencari tokoh-tokoh yang berkenaan dengan pengungkapan sesuatu *mathal* atau apa-apa yang berkaitan dengannya. Pencarian juga boleh dibuat melalui tajuk-tajuk tertentu sama ada nama-nama benda, binatang, barang-barang, tumbuhan dan sebagainya. Pencarian juga boleh dilakukan dengan menjuruskan kepada keadaan dan fenomena tertentu yang dikira ada kaitan dengan sesuatu *mathal*.

Manakala buku *mathal* “al-Tha‘a:libiyy” yang berada di pasaran ketika ini dan juga yang tersimpan di perpustakaan-perpustakaan tertentu antaranya ialah yang telah diedit semula oleh ‘Abd al-Fatta:h Muhammad al-Hilw. Naskhah ‘Abd al-Fatta:h ini telah banyak melakukan penambahbaikan berbanding naskhah asli yang dihasilkan oleh “al-Tha‘a:labiyy”. Ini kerana naskhah baru ini dilengkapi dengan beberapa senarai yang boleh membantu ke arah memudahkan pencarian. Antaranya senarai ayat-ayat al-Qur’an, senarai Hadis Nabi, senarai qa:fiat, senarai separa bait syair, senarai nama orang atau tokoh-tokoh, senarai kabilah-kabilah puak dan suku, senarai nama-nama tempat, peperangan dan lain-lain lagi.

Abu: Mansu:r al-Ta`a:libiyy meninggal dunia pada tahun 429H. Ada pula pendapat lain yang mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 430H. Walau bagaimanapun perbezaan antara dua tarikh itu bukan sesuatu yang besar.

1.8.5 Ta:hir al-Jaza:'iriyy – *Asyhar al-Amtha:l*

Nama penuh beliau ialah al-Sheikh Ta:hir bin Salih bin Ahmad Husayn bin Mu:sa bin Abi: al-Qa:sim al-Sam`u:niyy al-Waghali:siyy al-Jaza:'iriyy al-Dimishqiyy al-Husniyy. Beliau dikaitkan dengan Dimashq (Damshik) kerana Dimashq adalah tempat kelahiran, kehidupan dan kematian beliau. Manakala Algeria pula adalah tanah tumpah darah bagi kaum keluarganya.¹

Beliau dilahirkan di Damshik pada tahun 1268H bersamaan 1851M. Mendapat pendidikan awal di Sekolah al-Jaqmaqiyah yang terletak bersebelahan dengan Masjid Amawiyy di Damshik.² Kemudian beliau berguru dengan Sheikh 'Abd al Ghaniyy al-Ghunaymiyy al-Mayda:niyy. Sheikh Ta:hir kemudiannya mendapat kepakaran yang luas di dalam beberapa bidang seperti bidang keagamaan, bidang bahasa, bidang astronomi, bidang metamatik, sejarah dan lain-lain. Walau bagaimanapun bidang bahasa menjadi tumpuan beliau terutama sekali bahasa

¹ al-Zirikla(al-Zirikliyy) jld.3, hlm.221.

² al-Muba:rak, hlm.9.

Arab. Di samping itu beliau turut menguasai bahasa-bahasa lain seperti bahasa Turki, Perancis, Parsi, Siryani, Hebrew, Habasyah dan bahasa Barbari.¹

Buku yang dihasilkan oleh Sheikh Ta:hir ini merupakan sebuah buku kecil. Isi kandungannya terdiri daripada sejumlah *mathal* pilihan yang termasyhur yang dipetik daripada beberapa buah buku yang telah dihasilkan oleh para pengumpul *mathal* silam.

Dalam penyusunan buku ini beliau menyusun *mathal-mathal* mengikut huruf pangkal bagi setiap *mathal*, iaitu bermula dengan *mathal-mathal* yang bermula dengan huruh Alif dan diikuti dengan *mathal* yang bermula dengan huruf Ba' dan *mathal* yang bermula dengan huruf-huruf yang seterusnya mengikut susunan abjad. Manakala di penghujung buku tersebut beliau mengisikan dengan *mathal-mathal* yang bermula dengan perkataan yang berpolakan *افعل* .

Setiap *mathal* yang dibentangkan disusuli dengan penerangan ringkas sama ada menerangkan makna bagi sesuatu perkataan atau ungkapan serta komentar yang berkaitan.

¹ al-Zirikla(al-Zirikliyy, jld.3, hlm.222.

Jadi peranan penting yang dimainkan oleh al-Sheikh Ta:hir terhadap *mathal* selain daripada menyusun semula, memberikan penerangan yang boleh mempermudah pengkajian dan pemahaman terhadap *mathal-mathal* Arab.

Sheikh Ta:hir meninggal dunia pada tahun 1920 dengan meninggalkan sejumlah besar hasil karyanya yang terdiri daripada pelbagai buku dan juga risalah kecil, yangmana *Asyhar al-Amthal* adalah salah satu daripadanya.

1.8.6 Mahmu:d Isma‘i:l Si:niyy: Buku *Mu‘jam al-Amtha:l al-‘Arabiyyat*¹

Mahmu:d Isma‘i:l Siniyy adalah salah seorang daripada beberapa orang yang aktif dalam penghasilan buku-buku yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Tumpuan beliau lebih kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada bukan Arab. Namun begitu beliau juga turut menghasilkan karyanya dalam bidang-bidang yang lebih luas yang berkaitan dengan bahasa Arab.

Sepertimana yang diketahui bahawa berbagai kajian telah dibuat tentang *mathal*. Di samping itu banyak juga tulisan-tulisan serta susunan-susunan tentang *mathal*. Namun begitu kebanyakannya adalah lebih terarah kepada kegunaan para penyelidik dan juga pelajar institusi pengajian tinggi. Tidak banyak bahan bacaan

¹Si:niyy Dan Lain-lain, 1992, *Mu‘jam Al-Amtha:l Al-‘Arabiyyat*, Maktabat Lubnan, Beirut.

yang berkaitan dengan *mathal* yang dijuruskan secara khusus kepada para pembaca yang terdiri daripada golongan awam dan menengah. Keadaan ini seolah-olah penulisan buku yang berkaitan dengan *mathal* ini disasarkan kepada pembaca yang terdiri daripada golongan akademik dan penuntut di institusi pengajian tinggi sahaja. Ini menjadikan golongan menengah, para remaja dan juga pelajar di peringkat menengah kurang pengetahuan mengenai *mathal*. Kalau ada yang mengambil tahu tentangnya pun hanyalah sekadar sepintas lalu yang tidak memberikan sebarang kesan positif yang boleh mempengaruhi sikap dan kehidupan mereka.

Untuk memenuhi keperluan ini Mahmu:d Isma‘i:l Si:niyy bersama dua orang rakan akademiknya telah mengorak langkah ke arah melengkapkan keperluan di atas dengan melahirkan sebuah buku *mathal* yang berjudul معجم الامثال العربية yang dikira sesuai untuk tatapan segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada kalangan tenaga akademik dan penyelidik seterusnya golongan menengah, remaja dan pelajar di peringkat sekolah menengah.

Mengikut Isma‘i:l dan rakan-rakannya, tujuan utama dalam penyusunan bukunya adalah untuk mengembangkan pengetahuan kepada para pelajar dan remaja seterusnya para penyelidik sama ada mereka terdiri daripada kalangan orang Arab ataupun bukan Arab.

Peranan buku ini bukan sekadar memberi kefahaman kepada para pembaca tentang *mathal* Arab, dan juga bukan sekadar untuk mempermudah gaya bahasanya yang dianggap kompleks, dan juga bukan sekadar untuk memaparkan cerita-cerita yang berkaitan dengan *mathal-mathal* yang dipersembahkan, bahkan ia lebih jauh dari itu dengan memaparkan dan menyarankan bidang, tempat dan masa yang sesuai dimana sesuatu *mathal* itu patut dan perlu digunakan. Ini dengan tujuan untuk menjadikan *mathal* sesuatu yang mudah untuk digunakan apabila ia diperlukan, sama ada dalam percakapan biasa, penulisan, persuratan, perdebatan dan lain-lain seumpamanya.

Di samping itu ia bertujuan untuk membantu pembaca ke arah membina dan menstrukturkan ayat-ayat tertentu mengikut gaya bahasa yang diguna pakai dalam perstruktur *mathal-mathal*.

Mengikut Si:niyy, selain daripada apa yang disebutkan di atas, penyusunan buku tersebut mempunyai beberapa tujuan lain selain daripada tujuan bahasa dan berbahasa, iaitu tujuan ke arah penerapan dan penambahbaikan dalam aspek pendidikan, etika dan moral. Ini dengan pengisian banyak *mathal* yang menggambar, mencerminkan serta memberi penumpuan kepada aspek ini. Ini dipercayai dan diharapkan akan meninggalkan kesan yang positif di dalam hati dan sanubari pembaca apabila membacanya dan seterusnya menjadikannya

sebagai panduan hidup yang akan memberi kesan ke arah perubahan sikap mereka kepada sesuatu yang lebih positif dan lebih bermakna dalam mengharungi kehidupan mereka.

Buku معجم الامثال العربية dibahagikan kepada dua bahagian dan diikuti dengan dua lampiran.

Bahagian pertama memaparkan *mathal* mengikut topiknya yang telah ditetapkan. Bahagian ini dibahagikan kepada sembilan topik utama iaitu; Pertama: Berbagai-bagai keadaan psikologi. Kedua: Dunia dan ketentuan. Ketiga: Berbagai-bagai perilaku yang baik. Keempat: Berbagai-bagai perilaku yang buruk. Kelima: Persahabatan dan pergaulan. Keenam: Perangai serta sifat-sifat terpuji. Ketujuh: Perangai serta sifat-sifat keji. Kelapan: Berurusan dan berinteraksi. Kesembilan: Berbagai-bagai (campuran).

Bagi setiap tajuk utama dalam setiap bahagian terdapat di bawahnya beberapa tajuk kecil. Dalam setiap tajuk kecil ini dipaparkan beberapa *mathal* yang berkaitan. Walaupun kadang kala terdapat sedikit ketidaktepatan dalam meletakkan sesetengah *mathal* mengikut tajuknya, susunan seumpama ini banyak membantu dan menolong para pembaca dalam mencari *mathal-mathal* yang berkaitan dengan isu ataupun berkaitan dengan masalah yang ada ddalam mereka.

Dengan ini mereka dapati *mathal-mathal* yang serupa terletak di bawah tajuk yang sama. Keadaan ini memberikan peluang kepada pembaca untuk memilih yang mana satu yang lebih sesuai dengan apa yang mereka perlukan.

Dalam bahagian pertama ini pembaca boleh membuat tinjauan terhadap *mathal-mathal* yang berkaitan dan di bawah *mathal* tersebut penulis menyediakan penerangan terhadap perkataan-perkataan yang susah (sekiranya ada). Seterusnya dipaparkan penerangan yang lebih terperinci tentang *mathal* tersebut. Ini di ikuti dengan penerangan tentang bidang-bidang serta tempat dan masa dimana *mathal* tersebut sesuai digunakan. Sekiranya *mathal* tersebut mempunyai ceritanya yang membawa kepada kelahiran *mathal* tersebut, maka pembaca akan diberitahu supaya merujuk kepada cerita berkenaan dengan menyatakan nombor cerita tersebut.

Bahagian Kedua buku ini pula memaparkan cerita *mathal*.

Dalam banyak keadaan terdapat di sebalik sesuatu *mathal* itu satu cerita dan kadang kala lebih daripada satu cerita. Cerita-cerita seumpama ini kadang kala amat perlu diketahui oleh pembaca *mathal*. Ini adalah kerana ia berperanan untuk memudahkan seseorang itu memahami *mathal* tersebut serta menjadikannya lebih berkesan dalam pemakaiannya. Cerita-cerita *mathal* yang dipaparkan dalam bahagian ini telah dipermudahkan perkataan dan gaya bahasanya yang

menjadikannya bersesuaian dengan tahap berbagai-bagai lapisan pembaca dan merupakan tahap pemakaian semasa.

Dalam bahagian kedua ini terdapat 105 cerita *mathal*. Cerita-cerita *mathal* ini dipaparkan mengikut susunan abjad kepada *mathal* yang berkaitan. Setiap cerita *mathal* ini diberikan nombor turutan yang memudahkan pembaca mendapatkannya apabila diperlukan.

Berikutnya disusuli dengan bahagian lampiran. Lampiran pertama memaparkan penunjuk *mathal* bagi 882 *mathal* yang dimuatkan dalam buku ini. Ia disusun mengikut susunan huruf abjad. Setiap *mathal* ini diberikan nombor turutan. Ini memudahkan kerja-kerja pencarian oleh pembaca. Senarai ini turut dilengkapi dengan nombor cerita *mathal* yang berkaitan.

Manakala lampiran kedua pula memaparkan senarai penunjuk bagi tajuk-tajuk kecil. Senarai ini mengandungi tidak kurang daripada 200 tajuk kecil. Tajuk-tajuk ini juga disusun mengikut susunan huruf abjad. Setiap tajuk dilengkapi dengan nombor halaman bagi tajuk tersebut. Dan *mathal-mathal* yang berkaitan juga turut dipaparkan. Dengan adanya penyusunan yang sedemikian rupa, menjadikan pencarian dari berbagai-bagai aspek dapat dicapai dengan mudah.

Dari segi kandungan *mathal* yang terdapat dalam buku ini ia mencerminkan bahawa tujuan penulis menyusun buku ini adalah untuk memaparkan pekerti mulia serta amalam baik untuk dijadikan panduan kepada para pembaca, dengan tujuan untuk melihat suatu perubahan sikap kalangan pembaca . iaitu suatu perubahan ke arah perilaku lebih positif yang boleh memberikan sumbangan dalam penambahbaikan yang berterusan.

Didapati penulis buku ini menjadikan *mathal* sebagai alat bantu dalam penyampaian ideanya mengenai sifat-sifat murni yang perlu dimiliki oleh setiap orang dalam usahanya mencapainya cita-cita dan wawasan ke arah menjadi manusia yang berguna dan dapat memberikan sumbangan ke arah terbentuknya masyarakat yang harmoni.

Sekiranya sesuatu nilai atau sesuatu idea itu disampaikan melalui percakapan atau menggunakan ayat atau gaya bahasa biasa, sudah tentu kesan di hati sanubari penerimanya agak berbeza berbanding dengan apa yang disampaikan dalam bentuk *mathal*.

Apa yang difokuskan oleh penulis buku ini berbeza dengan apa yang terdapat di dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana kajian ini memfokuskan kepada sesuatu yang mempengaruhi *mathal* ketika proses pembentukannya. Dan bertitik tolak dari

situ akan membawa kepada pendedahan terhadap budaya dan amalan yang dilakukan oleh orang-orang Arab Jahiliyah pada masa itu.

1.9 Definisi Tajuk.

Tajuk kajian ini berbunyi: Pemburuan dalam Peribahasa Arab.

Pemburuan: Pemburuan berasal daripada perkataan buru. Daripada perkataan buru datang beberapa perkataan lain yang berkaitan dengan aktiviti ini, iaitu memburu, pemburuan, perburuan, pemburu, buruan dan lain-lain lagi. Perkataan berburu bererti mengejar untuk menangkap (membunuh) buruan. Dimaksudkan dengan buruan pula ialah binatang yang diburu. Pemburuan ialah perihal perbuatan memburu. Manakala perburuan ialah binatang yang diburu dan juga digunakan untuk perkakasan yang digunakan untuk memburu. Manakala pemburu pula digunakan untuk orang yang melakukan perbuatan memburu dan juga digunakan untuk binatang yang digunakan oleh pemburu di dalam menumpaskan binatang buruan seperti anjing dan burung helang.¹

Perkataan ini adalah terjemahan daripada perkataan '*al-sayd*' (الصيد) dalam bahasa Arab. Dengan demikian tidak termasuk di dalam kajian ini perkataan buru yang lain yang tidak merujuk kepada makna '*al-sayd*' (الصيد).

¹ Abdullah Hassan Dan AinonMohd, hlm. 193.

Peribahasa: Mengikuti *Kamus Dewan* peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu¹. Manakala Abdullah Hassan pula memberikan pengertiannya terhadap peribahasa seperti berikut: “Peribahasa adalah ungkapan-ungkapan bahasa kiasan yang sudah mantap bentuk bahasanya dan juga maknanya. Ia digunakan dalam bentuk asal tanpa dilakukan keatasnya sebarang perubahan”².

Manakala “Peribahasa Arab pula merujuk kepada *mathal* yang mana definisinya seperti berikut:

المثل هو اللفظ الذي يخالف لفظ المضروب له ويوافق معنى ذلك اللفظ وتجتمع في المثل أربعة
حصال لا تجتمع في غيره من الكلام³ : إيجاز اللفظ. إصابة المعنى. حسن التشبيه. جودة
الكناية.

Maksudnya: *Mathal* adalah suatu perkataan atau ungkapan yang berbeza dan berlainan dengan perkataan atau ungkapan yang dibuat *mathal* untuknya, tetapi terdapat persamaan makna antara kedua-duanya. Terdapat empat ciri khusus pada setiap *mathal*, iaitu: mempunyai ungkapan yang ringkas, memiliki ketepatan makna, mempunyai perumpamaan/perbandingan yang baik dan metonimi yang indah..

¹ Noresah Baharum, *Kamus Dewan*, hlm. 1018.

² Ibid. (pra no. hlm.)

³ al-Sudu:siyy, hlm.46

Perkataan *mathal* bila dikaitkan dengan al-Qur'an dan Hadis, ia mempunyai makna yang lebih luas. Bila disebut *mathal* al-Qur'an ia meliputi peribahasa dan perumpamaan yang terdapat dalam al-Qur'an. Dan begitu juga apabila disebut *mathal* Hadis ia meliputi peribahasa-peribahasa dan perumpamaan-perumpamaan yang terdapat dalam Hadis Rasulullah SAW

Walaupun tajuk disertasi ini berbunyi “Pemburuan Dalam Peribahasa Arab” dari segi maknanya adalah sama dengan “Pemburuan Dalam *Mathal* Arab”. Namun begitu dalam isi kajian ini penulis memilih untuk menggunakan perkataan “*mathal*” berbanding dengan penggunaan “peribahasa”. Ini adalah kerana perkataan *mathal* lebih tepat berbanding dengan isi kandungan kajian ini yang meliputi *mathal* al-Qur'an dan *mathal* Hadis.

Maksud daripada tajuk di atas ialah penulis akan melakukan kajian ke atas segala aktiviti yang berkaitan dengan pemburuan seperti binatang buruan, jenis-jenis pemburuan dan alat-alat perburuan yang digunakan oleh pemburu dalam menundukkan binatang buruan. Ini adalah sepertimana yang terdapat dan terkandung di dalam *mathal-mathal* Arab.

1.10 Rangka Kajian.

Bab 1: Pendahuluan.

Bab 2: Pengenalan *Mathal*

Bab 3: Pembahagian *Mathal*

Bab 4: Binatang Buruan

Bab 5: Jenis-jenis Pemburuan

Bab 6: Alat-alat Perburuan

Bab 7: Rumusan Dan Penutup

1.11 Penutup.

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan dalam bab ini penulis menjangkakan akan dapat melakukan satu kajian yang tersusun dan bermutu dan seterusnya dapat mencapai sasaran dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Penulis berkeyakinan bahawa kajian seperti ini dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan bahasa Arab terutama sekali yang berkaitan dengan bidang bahasa dan budaya serta bahasa kiasan. Sehubungan dengan ini diharapkan pengajian serta pengkajian terhadap *mathal* Arab menjadi lebih mudah seterusnya dapat menarik minat para pelajar dan para pengkaji untuk meneruskan pengajian dan pengkajian mereka di dalam bidang ini.